

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE-KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 5 APRIL 2018

RUJUKAN : 10647

SOALAN :

Tuan William Leong Jee-Keen [Selayang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah suspek militan Daesh yang telah ditangkap, dikena hukuman dan didakwa setakat ini serta usaha Kerajaan bagi mengesan dan memberkas suspek militan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tempoh 2013 sehingga 21 Februari 2018, seramai 382 orang telah ditahan atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan kumpulan pengganas Daesh.

Daripada jumlah keseluruhan tangkapan pengganas tersebut, 4 orang ditahan pada tahun 2013, 59 orang pada tahun 2014, 82 orang pada tahun 2015, 119 orang pada tahun 2016, 106 orang pada tahun 2017 dan 12 orang telah ditahan bagi tempoh masa 1 Januari sehingga 21 Februari 2018.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat keadaan di mana orang-orang yang ditangkap akan didakwa dengan lebih daripada satu kesalahan jenayah (kes). Penentuan jumlah kes yang didakwa ke atas orang tersebut hanya dapat ditentukan setelah siasatan dijalankan. Sehubungan itu, bagi kes-kes yang didakwa di mahkamah, sebanyak 301 kes telah dibawa ke mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 173 kes masih dalam proses pendakwaan manakala 128 kes lagi telah dijatuhkan hukuman.

Kerajaan tidak menolak kemungkinan ancaman pengganas di luar negara akan merebak ke negara kita dengan mengambil kira beberapa peristiwa serangan pengganas yang berlaku di dunia kini.

41

Trend cabaran global ini telah mendorong Kerajaan mengambil beberapa langkah drastik dalam usaha mempertingkatkan lagi tahap keselamatan negara.

Antaranya adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, pusat-pusat perniagaan komersial, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara dengan menggunakan konsep “Strategi Lautan Biru Kebangsaan” antara PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan keselamatan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuk kawalan di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Keganasan 2015 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Selain itu, kerjasama antara PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang.